

# PKPD di KL, Sabah

2 lokaliti di Kuala Lumpur bermula Sabtu, 4 lokaliti di Sabah mulai Ahad

Oleh MOHAMMAD KHAJIRIL  
ASHRAF MOHD KHALID

SHAH ALAM

MEDEPANI KRISIS  
COVID-19:  
APA TINDAKAN  
KITA?

**K**erajaan mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa lokaliti di Kuala Lumpur dan Sabah.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, PKPD yang dilaksanakan di Kuala Lumpur membabitkan dua lokaliti iaitu Kampung Segambut Dalam, Segambut dan Jalan Kubur, Pantai Dalam bermula Sabtu hingga 9 Julai ini.

Sementara itu di Sabah katanya, PKPD membabitkan dua lokaliti di Tawau dan dua lokaliti di Sandakan yang akan

berkuatkuasa pada Ahad sehingga 10 Julai.

Beliau berkata, PKPD di dua lokaliti di Tawau ialah Kampung Pukat Tanjung Batu Laut dan Kampung Baru Pasir Putih.

Tambahnya, PKPD di dua lokaliti di Sandakan pula melibatkan Lorong 12, 15 dan 16, Taman Fajar dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Murni.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan juga bersetuju menamatkan PKPD di beberapa lokaliti membabit-

kan Terengganu, Kedah dan Sabah.

Ismail Sabri berkata, penamatan PKPD di Terengganu membabitkan Mukim Bukit Besar dan Mukim Serada, Kuala Terengganu pada Sabtu.



ISMAIL SABRI

Beliau berkata, di Kedah, PKPD yang ditamatkan di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok pada Sabtu.

Tambah Ismail Sabri, untuk di Sabah, penamatan PKPD membabitkan lokaliti di Penampang, Tawau, Kota Kinabalu, Kunak dan Tuaran.

## Kekal lebih 5,000 kes



**KUALA LUMPUR** - Kes baharu Covid-19 di negara ini bagi tempoh 24 jam merekodkan sebanyak 5,812 kes, kekal melebihi angka 5,000 untuk tiga hari berturut-turut.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan baharu itu menjadikan jumlah keseluruhan kes wabak Covid-19 di Malaysia kini 722,659 kes.

Menerusi perkongsian di laman Twitter pada Jumaat, beliau berkata, Selangor kekal merekodkan kes harian tertinggi dengan 2,187 kes, diikuti Kuala Lumpur (771), Sarawak (673), Negeri Sembilan (658), Pulau Pinang (270) dan Melaka dengan 223 kes.

"Johor pula merekodkan 196 kes, selain Kedah (186), Sabah (156), Pahang (139), Labuan (123), Kelantan (98), Perak (72), Terengganu (46) dan Putrajaya (14), manakala Perlis sifar kes," katanya. - Bernama

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



\*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 25 Jun 2021

## JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

| JUMLAH KESELURUHAN: | PULIH:  | ICU: | KEMATIAN: | KES BAHARU | SUDAH DIVAKSIN |
|---------------------|---------|------|-----------|------------|----------------|
| 722,659             | 657,739 | 870  | 4,803     | +5,812     | 6,823,104      |

## KES BAHARU DALAM SEMINGGU

25 Jun  
**5,812 kes**

24 Jun  
**5,841 kes**

23 Jun  
**5,244 kes**

22 Jun  
**4,743 kes**

21 Jun  
**4,611 kes**

20 Jun  
**5,293 kes**

19 Jun  
**5,011 kes**

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 716,847 kes kepada 722,659 kes

